

From:  
Sent:  
To:  
Cc:



Subject:

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-32 BAR KUALA LUMPUR PADA TAHUN 2024



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
*Office of the Chief Registrar*  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
*Federal Court of Malaysia*

ISTANA KEHAKIMAN  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA  
Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Telefon :  
Emel : c

YBrs. Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBrs. Tuan, YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah mengambil maklum berhubung permohonan Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur (melalui surat bertarikh 18 Ogos 2023) memohon mendapatkan kebenaran penangguhan kes di Mahkamah-Mahkamah di Semenanjung Malaysia oleh Peguam-Peguam di Kuala Lumpur yang ingin menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 Bar Kuala Lumpur pada **29 Februari 2024 pukul 2.00 petang**.

3. Sehubungan dengan itu, adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa YAA Ketua Hakim Negara tiada halangan atas permohonan Peguam-Peguam untuk menangguhkan kes-kes di Mahkamah pada **29 Februari 2024** bagi menghadiri program Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 Bar Kuala Lumpur tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan untuk melapangkan kes-kes tersebut hendaklah dibuat terus kepada Mahkamah-Mahkamah yang berkenaan oleh Peguam-Peguam yang terlibat dengan Mesyuarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

## “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

**(DATO' HASBI BINTI HASAN)**

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman, PUTRAJAYA

---

Disclaimer : This e-mail and any files transmitted with it ("Message") are intended only for the use of the recipient(s) named and may contain information that is non-public, proprietary, privileged, confidential, and exempt from disclosure under applicable law including the Official Secrets Act 1972. You are hereby notified that the taking of any action in reliance upon, or any review, retransmission, retention, disclosure, dissemination, distribution, printing or copying of this Message or any part thereof by anyone other than the intended recipient(s) is strictly prohibited. If you have received this Message in error, you should delete this Message immediately and notify the sender by return e-mail. Opinions, conclusions and other information in this Message that do not relate to the official work of the Chief Registrar's Office Federal Court of Malaysia shall be understood as neither given nor endorsed by the Chief Registrar's Office Federal Court of Malaysia.